



اينستيتوت فيكيرن دان كفيقنين ملايو

IMPAAK

Institut Pemikiran & Kepimpinan Melayu

DISKUSI ILHAM PROFESOR:
MEMBENTUK KERANGKA
PEMIKIRAN MELAYU PASCA

2020

YBhg. Prof. Dr. Nasrudin Mohamed

Bidang Politik dan Pentadbiran Awam Dalam Konteks Pemikiran Melayu

Politik adalah berkaitan dengan urusan memakmurkan dan member kesejahteraan kepada manusia. Isu yang dihadapi oleh orang Melayu kini kelihatannya lebih kepada persoalan identiti dan wibawa bangsa Melayu itu sendiri. Bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila asal-usul dan sejarah Melayu tidak difahami bukan sahaja oleh orang-orang bukan Melayu, malah sebilangan besar orang-orang Melayu sendiri memperlihat rasa rendah diri atas pelbagai perkara yang mereka sendiri tidak pasti kerana ketiadaan maklumat. Kajian-kajian awal kebanyakannya dilakukan oleh penjelajah-penjelajah asing (misalnya Isabella Bird yang mencatatkan *“The Golden Chersonese and the Way Thither, 1883*). Malah, orang-orang Yahudi dikatakan mempunyai maklumat yang lebih terperinci mengenai asal-usul Melayu.

Sepatutnya apa yang kita warisi, menjadi khazanah maklumat dan pengetahuan yang perlu dipertahankan secara holistik (keseluruhan). Contohnya, tidak boleh mengambil jasad sahaja tetapi tinggalkan roh. Sepatutnya kedua-dua roh dan jasad itu perlu dipertahankan. Jika dilihat pada personaliti dan perjuangan sebahagian besar ahli politik kita sekarang, kita tidak nampak roh yang memacu perjuangan dalam politik dalam erti kenegaraan dan patriotism sebenar.

Sejarah membuktikan bahawa dalam kebanyakan insiden berkaitan kenegaraan, orang-orang Melayu sebenarnya sering terancam oleh tekanan-tekanan dalaman. Secara permukaannya, Malaysia pernah dijajah oleh Portugis, Belanda dan Jepun. Meskipun Inggeris mentadbir negara ini untuk masa yang agak lama dan meninggalkan kesan besar, sebenarnya secara teorinya Inggeris tidak kelihatannya ‘menjajah’. Mereka telah dijemput untuk mentadbir negara ini. Mereka telah diberi keistimewaan untuk ‘campurtangan’ serta ‘membantu’ mentadbir Tanah Melayu. Ini disebabkan apabila berlaku pertikaian untuk mendapatkan takhta kerajaan, Inggeris kemudiannya dijemput untuk ‘menyelesaikan masalah’. Ini tidak dikira dijajah kerana mereka tidak mengganggu atau campurtangan dalam semua perkara. Dalam kebanyakan insiden, seorang Raja Melayu diletakkan di atas takhta manakala sebahagian besar adat istiadat (melainkan cukai dan perhambaan) dan agama tidak ditadbir oleh Inggeris.

Di bawah pentadbiran Inggeris, kebanyakan segi pentadbiran termasuk ekonomi, sosial, pelajaran dan sebagainya, banyak memberi kesan kepada politik Melayu sehingga hari ini. Kita didorong atau dipaksa secara sukarela untuk menerima kenyataan bahawa kita hanyalah pengguna akhir. Konsep dualisme yang dikekalkan oleh Inggeris – terutamanya melalui pembahagian sektor-sektor moden dan tradisi – terus meletakkan orang-orang Melayu sebagai penduduk yang mendiami kampung-kampung serta menumpukan sepenuh perhatian dan aktiviti kepada pertanian dan maritim.

Ada kalangan sarjana-sarjana tempatan dan luar negara menyimpulkan bahawa kita mempunyai keadaan politik ibarat telur di hujung tanduk. Malaysia adalah unik. Tidak ada negara lain yang mengamalkan sistem politik yang mempertimbangkan elemen perkauman seperti Malaysia. Kontrak sosial dijadikan sandaran untuk politik perkauman di dalam sistem politik Malaysia. Bagaimanapun, kontrak sosial semakin kurang disentuh kerana sesiapa yang menyebut akan dipanggil rasis. Budaya Melayu juga tidak boleh dikritik secara terbuka kerana kritikan secara terbuka dianggap bukan norma Melayu.

Dari segi keselamatan negara, terdapat dua aspek yang penting iaitu luar dan dalam. Malaysia tidak perlu bimbang dengan ancaman luar kerana boleh diselesaikan dengan secara relatifnya mudah kerana Malaysia mempunyai perhubungan baik di peringkat antarabangsa. Dalam politik, kita tidak bimbang dengan musuh tetapi lebih bimbang dengan 'kekurangan' atau 'ketiadaan' sahabat. Contohnya, isu Lahad Datu sebenarnya bukan isu antarabangsa secara eksklusif kerana secara tradisinya dunia sebahagian orang Sulu adalah meliputi dunia Melayu sendiri (terutamanya berikutan peristiwa pejuang-pejuang Sulu dihambat oleh Presiden Marcos di Filipina). Nenek moyang sebahagian besar orang-orang Sulu sudah menetap di Sabah seawall 1970an dan di situ sebenarnya potensi risiko kepada Malaysia, selain daripada empat wilayah panas di Selatan Thailand, iaitu Satun, Yala, Pattani dan Narathiwat.

Secara umum, pemimpin yang memberi impak yang besar kepada pembangunan Malaysia adalah jenis pemimpin transformasi. Setakat ini Tun Razak dan Tun Mahathir menepati ciri-ciri tersebut. Meskipun Dato Seri Najib melaksanakan secara agresif program transformasi Malaysia, namun ia patut diberi peluang dahulu untuk menjelmakan semua objektif pembangunan beliau secara nyata terlebih dahulu. Roh dan semangat kemelayuan Mahathir sangat tinggi, dilihat dari sudut tindakan yang beliau lakukan setalama pentadbiran beliau. Beliau menzahirkan melahirkan secara jelas setiap perkataan dan tindakan dengan menyebut Melayu dan Islam tanpa berselindung. Menariknya, Dato Seri Najib jarang menyebut Melayu, sebaliknya menyebut Malaysia secara konsisten dan berterusan.

'Cendekiawan' di negara kita semakin berkurangan meskipun golongan 'inteligensia' (pemegang sijil dan kertas kelayakan pendidikan tinggi serta profesional). Dilema dualisme 'ulama dan pemimpin sekular' banyak mempengaruhi politik dan pemikiran Melayu. Klasifikasi ilmu pula semakin terabai. Penekanan berlebihan terhadap sains dan Teknologi kelihatannya meletakkan ilmu kemanusiaan di samping. Pembelajaran falsafah pula jelas semakin 'disenyapkan'; menjadikan mahasiswa tidak berupaya menjelmakan segi-segi pemikiran yang kritis dan tuntas. Kesannya amat besar. Kita ditimbunkan dengan pelbagai sumber maklumat, namun keupayaan untuk menyaring dan menilai maklumat untuk diproses menjadi ilmu tidak begitu ketara berlaku. Akhirnya, kita dapat melihat bagaimana pemikiran pelajar-pelajar menjadi agak sehalu.

Ahli politik kita boleh masuk parlimen dengan mudah selaku 'Yang Berhormat'. Namun, agak ketara, bukan semua tahu perlembagaan dan sejarah negara, tetapi 'diberi keistimewaan' untuk duduk di Parlimen dan dewan undangan atas nama 'wakil rakyat' dan berdebat demi kesejahteraan rakyat. Apakah agak keterlaluan untuk mewajibkan setiap ahli politik untuk mengikuti dan 'lulus' 'kursus' seperti 'Perlembagaan Malaysia' atau 'Sejarah Tanah Melayu' sebelum mereka boleh dibenarkan berdebat atau mewakili rakyat?.

YBhg. Prof. Dr. Mohamad Osman

Bidang Pertanian Dalam Konteks Pemikiran Melayu

Pertanian merupakan sektor ekonomi yang penting kepada orang Melayu. Dulu pada masa merdeka, pertanian telah menyumbang lebih daripada 46% kepada ekonomi negara. Tetapi sekarang sektor pertanian hanya menyumbang dalam 12% sahaja kepada ekonomi negara. Sektor pertanian tidak lagi dipandang penting oleh kerajaan sedangkan pertanian di negara-negara maju lain, ia adalah penting bukan kerana bangsanya, tetapi kerana ekonominya.

Dilihat dari segi makro, Melayu sebenarnya semakin terpinggir dalam memperjuangkan hak. Apabila pertanian terpinggir, maka Melayu juga akan terpinggir kerana asal-usul nenek moyang orang Melayu adalah berlatarbelakangkan pertanian. Contohnya, Universiti Pertanian telah ditukar namanya kepada Universiti Putra. Pada awalnya, niat penukaran nama tersebut adalah hanya untuk membesarkan peranan UPM, tetapi lama kelamaan pertanian tidak penting lagi. Ini kerana kerajaan tidak menyedari kepentingan pertanian sebelum ditukar nama tersebut.

Sekarang yang penting adalah sampai tahap mana ekonomi pertanian ini boleh dikurangkan. Di Malaysia, sebenarnya ramai pemain Melayu yang ada, tetapi sumbangan mereka tetap kurang. Kerajaan sepatutnya mencari jalan supaya dapat memperkasakan semula sektor pertanian ini. Paling dibimbangi, kita akan memberi peluang kepada bangsa lain untuk datang mengambil alih sektor pertanian kerana mereka sedang menunggu kesempatan.

Kebanyakan Melayu sekarang hanya terlibat dalam pertanian sebagai pengeluar sahaja. Tetapi tidak terlibat dengan pemprosesan, pemasaran eksport dan lain-lain. Jika dikaji semula, kebanyakan kilang-kilang contohnya kelapa sawit adalah kepunyaan Singapura. Mereka terlibat dari proses pengeluaran sehingga ke eksport.

Antara cadangan yang dikemukakan adalah, dalam sektor pertanian, Melayu harus melakukan semua proses iaitu dari proses pengeluaran sehingga ke eksport. Selain itu, setiap keluarga perlu ada seorang yang berkorban untuk menjadi usahawan yang menyumbang dalam sektor pertanian atau sektor-sektor lain.

Dari segi micro, untuk pertanian getah, Melayu hanya jadi pengeluar sahaja. Padi pula, Melayu sudah hilang industry padi. Pengilang adalah Cina. Pengeluaran bijih benih padi juga diberikan kepada Cina Sekincau kerana kerajaan tidak mahu susah mengajar orang Melayu yang tidak tahu. Untuk buah-buahan, yang menjual adalah orang Melayu. Sayur-sayuran dan bunga hiasan, industry ini lebih dari RM150billion tetapi Melayu sudah tidak boleh masuk lagi. Tanaman herba pula, kebanyakannya Melayu yang terlibat, tetapi masalahnya ialah tidak ada penyudah.

YBhg. Prof. Dr. Darusalam Abu Bakar

Bidang Penyiaran Dalam Konteks Pemikiran Melayu

Dalam satu forum di mana Tan Sri Ibrahim menjadi panel di siaran tersebut, beliau mengatakan pelajar tidak boleh berpolitik semasa di kampus kerana ia akan mengganggu pelajaran mereka. Ini kerana pelajar di masa ini mudah dipengaruhi di mana apabila pelajar tersebut tidak menyokong sesebuah parti politik, maka mereka akan dikatakan telah terpengaruh dengan politik yang lain, manakala sekiranya mereka ini mengkritik sesebuah parti pula, mereka akan dilabel sebagai pembangkang. Ini menjadi permasalahan kepada pelajar itu sendiri ketika masih belajar di kampus.

Menyentuh berkenaan dengan bidang penyiaran iaitu internet sebagai contoh dalam mempengaruhi orang Melayu, tiada jaminan bahawa orang Melayu boleh menahan tarikan-tarikan yang hebat di internet. Ini adalah disebabkan kebebasan bermaklumat di internet yang tanpa had dan batas. Kelemahan pada orang Melayu ialah mereka mudah lupa akan pegangan mereka di mana maklumat-maklumat di internet mudah mempengaruhi mereka. Di Malaysia, sumber-sumber maklumat seperti radio, surat khabar dan televisyen masih boleh dikawal oleh lembaga penyiaran. Walaubagaimanapun cara untuk mengawal maklumat di internet hanyalah bergantung kepada individu penyebar itu sendiri kerana hanya mereka yang bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat.

Melayu di Malaysia mempunyai dua pola pemikiran, yang pertama ialah menyokong setia dengan apa yang ada seperti yang dilaksanakan mengikut institusi dan juga sistem yang sedia ada dan yang kedua ialah pola pemikiran Melayu seperti Dr Mahathir dimana cara pemikiran beliau yang sentiasa membuat transformasi. Namun demikian berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh masyarakat Melayu sekarang adalah, kita telah melahirkan generasi Melayu yang berfikir liberal, dimana Melayu kini tidak lagi mempunyai kedua-dua pola pemikiran tersebut, di mana pola pemikiran mereka berubah mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh generasi kini lebih cenderung ke arah hiburan-hiburan yang ada. Di samping itu, isu rasist atau bersifat perkauman di kalangan Melayu telah menjadi semakin kritikal. Ini dapat dilihat di internet di mana terdapat banyak blog-blog di internet yang menyerang satu sama lain. Ini menyebabkan kita telah melahirkan masyarakat yang berjiwa bebas tetapi dalam konteks yang negatif.

Malaysia tidak mempunyai negara demokratik yang matang. Kita boleh lihat melalui cara berdebat dan berhujah yang menunjukkan politik kita masih berada di tahap yang rendah. Namun perubahan ini akan berlaku bergantung kepada rangsangan yang ada. Sekiranya Barisan Nasional tidak memenangi PRU13, kita akan dapat melihat suatu perubahan yang mendadak.

YBhg. Prof. Dr. Mohd Mustafa Mohd Ghazali

Bidang Seni Halus Dalam Konteks Pemikiran Melayu

Masalah pelajar Melayu di uitm adalah kebanyakan pelajar tidak matang, di mana mereka tidak tahu kenapa mereka masuk di uitm, tidak tahu apa yang akan mereka buat selepas keluar dari uitm dan tidak tahu bagaimana pengorbanan yang boleh mereka lakukan untuk bangsa melayu di masa akan datang.

Banyak yang Tun Dr Mahathir nampak di mana orang lain tidak nampak di mana beliau telah nampak bahawa seni boleh menjana ekonomi Negara. Hasil karya yang berkualiti yang dihasilkan oleh karyawan negara boleh dijual melebihi RM100,000.00. Antara karya yang boleh dihasilkan adalah seperti daripada seni lukis, arca, fesyen, seramik dan banyak lagi. Sebagai contoh di negara lain iaitu Jepun, China dan Singapura telah mengamalkan kreativiti yang unik seperti dalam reka bentuk bangunan dan landskap

Mengenai cara pemikiran dan budaya yang diamalkan di negara-negara lain. Sebagai contoh, di Jepun, anak-anak kecil telah dilatih untuk berfikir secara kreatif iaitu menggunakan otak kanan di mana sejak kecil mereka dilatih untuk melakukan semua pekerjaan seperti membersihkan kawasan sekolah, melakukan penyediaan makanan di kantin dan sebagainya sendiri. Tiada pekerja yang di upah untuk membersihkan sekolah atau menyediakan makanan di Jepun seperti mana dilakukan di Malaysia. Di UK, budaya pelajar di sana tidak membawa buku rujukan adalah kebiasaan kerana mereka lebih gemar untuk berdebat secara terbuka dengan pesyarah ataupun cikgu disana. Ini banyak membantu dalam melatih pelajar untuk menjadi lebih yakin. Manakala di Malaysia, kebanyakan pelajar dilatih menggunakan otak kiri di mana keputusan sesuatu pelajaran sangat ditekankan. Ini merupakan satu kesilapan di mana keputusan peperiksaan sahaja tidak cukup dalam menentukan sama ada pelajar tersebut bagus atau tidak.

Berdasarkan pengalaman menjadi cikgu di sekolah yang berlainan jenis selama lebih 10 tahun. Didapati pelajar dari sekolah jenis cina, india dan melayu mempunyai sikap yang berbeza. Di sekolah cina, pelajar-pelajar adalah berani menegur guru ketika guru tersalah dalam mengajar. Di sekolah tamil pula, pelajar-pelajar gemar bercakap walaupun guru sedang mengajar. Manakala di sekolah melayu, pelajar adalah passive iaitu diam dan hanya mengikut apa yang diajar oleh guru. Ini menunjukkan pelajar cina dan india adalah lebih berani dan yakin akan diri sendiri berbanding melayu.

Isu yang menjadi masalah kepada pelajar melayu adalah, kebanyakan pelajar adalah kreatif, tetapi mereka mudah terpengaruh dengan apa yang kebanyakan orang lain buat. Kebanyakan orang melayu melihat bidang kreativiti adalah bidang yang kecil dalam dalam menjana ekonomi. Ini mengakibatkan bakat kreativiti yang ada pada mereka tidak digunakan sehingga menyebabkan mereka beralih kepada bidang lain yang telah diceburi oleh ramai orang.